



**TEKS UCAPAN
'MAJLIS PERASMIAN HARI INOVASI DAN
ANUGERAH KUALITI RISDA NEGERI JOHOR
TAHUN 2009'**

**OLEH
DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: DEWAN GEMILANG LESTARI, PEJABAT RISDA NEGERI JOHOR,
JOHOR BHARU, JOHOR
TARIKH : 31 DISEMBER 2009 (KHAMIS)
MASA : 10.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Dihormati En. Meor Mohd Zamnis bin Meor Hassan
Pengarah RISDA Negeri Johor

En. Zakaria bin Alang Zahari
Timbalan Pengarah RISDA Negeri Johor

Pegawai Kanan dan PRD Negeri Johor

Yang diraikan Penerima-Penerima Anugerah

dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan- puan yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Hari Inovasi dan Anugerah Kualiti RISDA Negeri Johor Tahun 2009 pada pagi ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada En Meor Mohd Zamnis bin Meor Hassan, Pengarah RISDA Negeri Johor kerana telah menjemput saya untuk merasmikan Majlis ini.

3

2. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, budaya inovasi dalam perkhidmatan awam di beri perhatian khusus oleh KSN untuk menggalakkan inovasi di kalangan penjawat Awam. Sebelum ini, kita hanya melaksanakan inovasi untuk pertandingan semata-mata. Saya telah menyarankan supaya inovasi dibudayakan sepanjang tahun dan satu Skim Insentif akan diwujudkan dan semua inovasi walau sekecil mana pun akan di beri pengiktirafan di Majlis-majlis seperti perhimpunan bulanan, seminar dan sebagainya. Dengan ini saya perhatikan warga RISDA Johor telah mengambil peluang ini untuk melaksanakan inovasi dalam tugas harian

4

yang dilaksanakan sama ada dari segi penjimatan kos, memudahkan prosedur atau kepuasan hati pelanggan kita, seperti inovasi 'Standard Procedure' memproses Tanam Semula dan bayaran secara 'Pool System' yang dilaksanakan oleh RISDA Johor ini dan juga pada hari ini pula, saya difahamkan RISDA Johor akan menyampaikan Manual Bekalan Baja secara Pool. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada RISDA Johor!.

5

3. Kita semua sedar bahawa Kerajaan sentiasa menitikberatkan soal peningkatan kualiti, produktiviti dan inovasi yang turut menjadi teras utama dalam konteks piawaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA), Bidang Keberhasilan Utama RISDA (RKRA) dan juga Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Saya akan menerangkan perkara ini secara terperinci semasa penyampaian Amanat Pengurusan 2010 pada 7 Januari nanti.

6

4. Malaysia telah melaksanakan usaha-usaha untuk memajukan pekebun kecil dalam pelbagai aspek bagi meningkatkan pendapatan mereka sejak penubuhan RISDA dibawah Akta 85 pada tahun 1973. Bagaimanapun, scenario dasar utama Negara, perundangan, struktur ekonomi serta sosial pekebun kecil dan Negara yang berubah menuntut supaya Akta 85 dipinda supaya ia selaras dengan dasar kerajaan serta perundangan semasa. Disamping itu, ia juga membolehkan RISDA memainkan peranan yang lebih menyeluruh bagi memenuhi keperluan pekebun kecil, RISDA dan Negara di masa akan datang. Syukur

Alhamdulillah, pada 10 Disember yang lalu, Parlimen telah meluluskan pindaan Akta RISDA. Dengan pindaan akta ini, banyak manfaat yang diterima oleh pekebun kecil. Misalnya, sebelum ini tiada peruntukan bagi RISDA untuk membangunkan tanah kosong dan terbiar khususnya di kawasan berhampiran tanah pekebun kecil sedangkan pekebun kecil mengharapkan RISDA membantu mereka membangunkan tanah-tanah tersebut. Melalui pindaan Akta ini juga, definisi 'pekebun kecil' telah dipinda. Sekarang definisi 'pekebun kecil' telah diperluaskan meliputi juga penoreh-penoreh yang tidak memiliki tanah dan juga

masyarakat Orang Asli. Dengan ini liputan kumpulan sasar RISDA lebih meluas dan Kerajaan dapat memberi bantuan kepada lebih ramai rakyat.

5. Suka saya maklumkan bahawa RISDA akan mula beroperasi di Sabah mulai 1 Januari 2010 secara berperingkat. Pengarah RISDA Negeri Sabah adalah En. Omar bin Hj. Hassan. Dengan kemasukan ke Sabah ini bererti RISDA telah beroperasi diseluruh Malaysia – RISDA 1 Malaysia.

9

6. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Kualiti. Anugerah kualiti ini sebenarnya merupakan penghargaan RISDA kepada Kakitangan yang telah memberikan perkhidmatan berkualiti dalam bidang masing-masing sepanjang tahun 2009. Tidak lupa juga kepada warga RISDA Johor yang telah berkhidmat lebih dari 25 tahun. Mereka ini adalah Pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan kesetiaan berkhidmat dengan penuh dedikasi. Mereka telah setia bersama RISDA dan saya bagi pihak Pengurusan RISDA merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan terhadap segala jasa dan perkhidmatan yang telah dicurahkan.

7. Saya percaya pegawai-pegawai yang terpilih untuk menerima Anugerah Kualiti pada hari ini telah menunjukkan usaha dan prestasi yang terbaik di peringkat negeri dan daerah masing-masing. Adalah diharapkan bahawa saudara-saudari akan terus mengekalkan kecemerlangan dan menjadi penanda aras kepada pegawai-pegawai lain, di samping mewujudkan persaingan yang sihat untuk meningkatkan prestasi masing-masing.

11

Hadirin yang hormati sekalian,

8. Pengurusan RISDA amat berterima kasih kepada semua warga RISDA Negeri Johor yang telah banyak menyumbang kepada pengukuhan sistem penyampaian RISDA. Banyak perubahan telah dilakukan ke arah mempercepatkan lagi perkhidmatan untuk kemudahan pekebun kecil, termasuk kepada kita juga. Ini termasuklah pemprosesan permohonan Tanam Semula dan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari oleh semua PT, pelaksanaan langkah-langkah bagi mengurangkan karenah birokrasi, pemantapan dalam pengurusan aduan serta penggunaan ICT dalam

12

memperkemaskan serta memantapkan lagi perkhidmatan kepada pekebun kecil.

10. Seperti yang saya sebut sebelum ini, kita hendaklah membudayakan “precision” dan “punctuality” dalam pelaksanaan dasar-dasar serta program-program yang telah dirancang. Sebagai contoh, kita hendaklah memastikan projek-projek yang dilaksanakan dipantau dengan teliti supaya tidak berlaku sebarang kelewatan. Namun, kerap kali apa yang berlaku ialah projek-projek Kerajaan tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Contohnya yang terbaru ini

13

adalah kelewatan pembinaan 16 buah sekolah di Kelantan. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyarankan supaya bersikap lebih tegas dalam pelaksanaan serta pemantauan projek-projek. Dasar dan peraturan sedia ada adalah komprehensif dan mencukupi, dan perlu dikuatkuasakan sewajarnya. Mana-mana pihak yang cuai perlu dikenakan tindakan supaya kesalahan yang sama tidak berulang. Begitulah sifat punctuality dan precision yang perlu dibudayakan oleh masyarakat RISDA, dan kita selaku penjawat awam harus mempelopori usaha ini dengan memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh kita

14

menepati prinsip-prinsip ketepatan sebagaimana yang dihasratkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang menerima Anugerah Kualiti pada kali ini. Bagi mereka yang tidak terpilih, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan tidak kecewa, sebaliknya akan terus meningkatkan kualiti dan

15

produktiviti kerja untuk memantapkan lagi organisasi kita untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf *world class*.

12. Sebelum saya akhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Meor Mohd Zamnis bin Meor Hassan, Pengarah RISDA Negeri Johor kerana menjemput saya untuk merasmikan Majlis ini pada hari ini. Saya penuh yakin dan percaya bahawa budaya kerja berkualiti dan berinovasi akan terus bersemarak dan diamalkan dengan baik di RISDA Johor bersandarkan komitmen dan iltizam yang tinggi yang telah ditunjukkan selama ini. Saya amat berharap Tuan-tuan dan Puan-puan

16

akan terus meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja untuk memantapkan lagi RISDA untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul dan disegani.

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan penuh sukacitanya merasmikan Hari Inovasi dan Anugerah Kualiti RISDA Negeri Johor tahun 2009.

Selamat Menyambut Tahun Baru 2010

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh